

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Jumaat, 26 November 2021



**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
BAGI INDEKS HARGA PENGGUNA, MALAYSIA
OKTOBER 2021**

**Inflasi meningkat 2.9 peratus pada Oktober 2021 berikutan
peningkatan harga petrol dan penamatan diskaun elektrik pada
September 2021**

PUTRAJAYA, 26 NOVEMBER 2021 – Indeks Harga Pengguna (IHP) menunjukkan peningkatan 2.9 peratus pada bulan Oktober 2021 kepada 123.7 berbanding 120.2 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Jabatan Perangkaan Malaysia pada hari ini mengeluarkan laporan berkaitan INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP), OKTOBER 2021 berdasarkan pungutan harga pengguna yang dilaksanakan secara bulanan bagi barangan dan perkhidmatan.

Mengulas berkaitan laporan tersebut, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menekankan, "Kenaikan ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan dua digit 11.3 peratus dalam kumpulan Pengangkutan. Selaras dengan kenaikan harga minyak global, harga purata RON97 juga meningkat kepada RM2.84 berbanding RM1.97 pada Oktober 2020. Pada masa yang sama, indeks bagi Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain meningkat 3.2 peratus dengan kenaikan tertinggi dicatatkan oleh subkumpulan Elektrik, gas & bahan api lain (27.6%). Tambahan pula, indeks Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (2.1%) dan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (1.9%) juga menyumbang kepada kenaikan inflasi keseluruhan. Sementara itu, kumpulan lain, Restoran & Hotel, Minuman Alkohol & Tembakau, Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan dan Kesihatan merekodkan peningkatan marginal antara

0.2 peratus dan 0.6 peratus. Komunikasi kekal tidak berubah manakala Pakaian & Kasut dan Pelbagai Barangan & Perkhidmatan masing-masing menurun 0.4 peratus dan 0.2 peratus. Pendidikan juga merekodkan penurunan marginal 0.1 peratus berbanding tahun sebelumnya”.

Beliau juga menambah bahawa inflasi pada bulan seterusnya juga akan dipengaruhi oleh faktor luaran seperti kenaikan kedua-dua harga minyak dunia dan harga makanan. Tambahan pula, pembukaan perjalanan rentas negeri dijangka akan memberi kesan bagi beberapa kumpulan berkaitan pelancongan.

Beliau menerangkan lebih lanjut bahawa IHP bagi tempoh Januari hingga Oktober 2021 menunjukkan peningkatan 2.3 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Bagi perbandingan bulanan, IHP meningkat 0.7 peratus berbanding September 2021. Peningkatan ini disumbangkan oleh Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (2.5%) dan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (0.4%). Kedua-dua Pelbagai Barangan & Perkhidmatan dan Restoran & Hotel merekodkan peningkatan marginal 0.3 peratus. Beliau turut menyatakan, kenaikan ini adalah kesan daripada penamatan diskaun bil elektrik bulanan yang diberikan kepada pengguna domestik di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) untuk tempoh tiga bulan yang berakhir pada 30 September 2021.


Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menyatakan, “Indeks teras meningkat 0.7 peratus pada Oktober 2021 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Antara kumpulan utama yang bertindak sebagai pendorong kepada kenaikan ini adalah kumpulan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (2.1%); Makanan & Minuman Bukan Alkohol (1.2%); Pengangkutan (1.1%); Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (0.6%); Restoran & Hotel (0.6%); Kesihatan (0.2%) dan Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan (0.2%). Indeks teras meliputi semua barang dan perkhidmatan kecuali item makanan segar yang mempunyai harga tidak menentu serta harga yang dikawal.”

Sementara itu, IHP tanpa bahan api meningkat 1.5 peratus pada Oktober 2021 kepada 114.3 berbanding 112.6 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. IHP tanpa bahan api adalah meliputi semua barang dan perkhidmatan kecuali Petrol Tanpa Plumbum RON95, Petrol Tanpa Plumbum RON97 dan Diesel.


Secara keseluruhan, kesemua negeri telah mencatatkan peningkatan IHP pada Oktober 2021. Sembilan negeri iaitu Terengganu (3.9%), Pahang (3.7%), Kelantan (3.6%), Perak (3.4%), Negeri Sembilan (3.2%), Kedah & Perlis (3.2%), Selangor & Wilayah Persekutuan Putrajaya (3.1%), Johor (3.1%) dan Melaka (3.1%) menunjukkan peningkatan melepasi paras IHP nasional 2.9 peratus pada Oktober 2021 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Kesemua negeri mencatatkan peningkatan bagi indeks kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol. Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh Selangor & Wilayah Persekutuan Putrajaya (2.7%), diikuti oleh Terengganu (2.6%), Pahang (2.5%), Kelantan (2.4%), Perak (2.4%), Johor (2.2%), Melaka (2.0%) dan Negeri Sembilan (1.9%). Sementara itu, negeri lain menunjukkan peningkatan di bawah paras indeks kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol nasional iaitu 1.9 peratus pada Oktober 2021.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh Penduduk Malaysia termasuk bukan warganegara yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020. Bagi mereka yang masih belum berkesempatan mengisi borang soal selidik bancian, sila hubungi DOSM ditalian 1-800-88-7720 untuk maklumat lanjut. Aktiviti Semakan Kualiti (QC) dan Survei Penilaian Liputan Banci (SPLB) bagi Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) sedang dilaksanakan sepanjang November dan Disember 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam aktiviti yang dijalankan Banci Malaysia 2020 kerana "Data Anda Masa Depan Kita". Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Carta 1 : Perubahan Peratus bagi Indeks Keseluruhan, Indeks Teras dan Indeks Tanpa Bahan Api bagi Oktober 2020 - Oktober 2021



Carta 2 : Perubahan Peratus Indeks Kumpulan Terpilih bagi Oktober 2020 - Oktober 2021



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
26 NOVEMBER 2021

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, 26 November 2021



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT
FOR CONSUMER PRICE INDEX, MALAYSIA
OCTOBER 2021**

Inflation increased 2.9 per cent in October 2021 with rising in fuel prices and the discontinuation of electricity discount in September 2021

PUTRAJAYA, 26 NOVEMBER 2021 – Consumer Price Index (CPI) increased 2.9 per cent in October 2021 to 123.7 as against 120.2 in the same month of the preceding year. The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) today released the report on CONSUMER PRICE INDEX (CPI), OCTOBER 2021 based on the consumer prices that are collected on a monthly basis for goods and services.

Commenting on the report, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted, "The increase was mainly due to a double-digit increase of 11.3 per cent in the Transport group. In tandem with the rise in global oil prices, the average price of RON97 also increased to RM2.84 as compared to RM1.97 in October 2020. Simultaneously, the index for Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels rose 3.2 per cent with the highest increase recorded by the Electricity, gas & other fuels subgroup (27.6%). In addition, Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance (2.1%) and Food & Non-Alcoholic Beverages (1.9%) indices also contributed to the increase of overall inflation. Meanwhile, other groups, Restaurants & Hotels, Alcoholic Beverages & Tobacco, Recreation Services & Culture and Health recorded marginal increases between 0.2 per cent to 0.6 per cent. Communication remained unchanged while Clothing & Footwear and Miscellaneous

Goods & Services declined 0.4 per cent and 0.2 per cent respectively. Education also posted a marginal decline of 0.1 per cent as compared to a year ago”.

He also added that the inflation for coming months will also be influenced by external factors such as the rise in both global crude oil and food prices. In addition, the opening of interstate travel is expected to affect prices of some tourism related groups.

He further explained that the CPI for the period of January to October 2021 increased 2.3 per cent as compared to the same period last year. On a monthly basis, the CPI increased 0.7 per cent as compared to September 2021. The increase was attributed by Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels (2.5%) and Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance (0.4%). Both Miscellaneous Goods & Services and Restaurant & Hotels recorded a marginal increase of 0.3 per cent. He added that the increase was also due to discontinuation of the monthly electricity bill discount given to domestic consumers under the Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) Package for a period of three months which ended 30 September 2021.

Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also said, “Core index rose 0.7 per cent in October 2021 as compared to the same month of the previous year. Among the major groups which influenced the increase were Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance (2.1%); Food & Non-Alcoholic Beverages (1.2%); Transport (1.1%); Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels (0.6%); Restaurants & Hotels (0.6%); Health (0.2%) and Recreation Services & Culture (0.2%). Core index covers all goods and services except volatile items of fresh food as well as administered prices.”

Meanwhile, the CPI without fuel increased 1.5 per cent in October 2021 to 114.3 as compared to 112.6 in the same month of the preceding year. CPI without fuel covers all goods and services except Unleaded Petrol RON95, Unleaded Petrol RON97 and Diesel.

All states recorded an increase in the CPI in October 2021. Nine states namely Terengganu (3.9%), Pahang (3.7%), Kelantan (3.6%), Perak (3.4%), Negeri Sembilan (3.2%), Kedah & Perlis (3.2%), Selangor & Wilayah Persekutuan Putrajaya (3.1%), Johor (3.1%) and Melaka (3.1%) surpassed the national CPI rate of 2.9 per cent in October 2021 as compared to the same month of the previous year. All states registered an increase in the index of Food & Non-Alcoholic Beverages. The highest increase was recorded by Selangor & Wilayah Persekutuan Putrajaya (2.7%), followed by Terengganu (2.6%), Pahang (2.5%), Kelantan (2.4%), Perak (2.4%), Johor (2.2%), Melaka (2.0%) and Negeri Sembilan (1.9%). Meanwhile, other states showed an increase below the national index of Food & Non-Alcoholic Beverages rate of 1.9 per cent in October 2021.

Our sincere thanks and highest appreciation to all Malaysians, including non-citizens, who have given their full support and cooperation in making the Malaysia Census 2020 a success. For those who have not yet had the opportunity to fill out the census questionnaire, please contact DOSM at 1-800-88 -7720 for further information. The activities of Quality Check (QC) and Post Enumeration Survey (PES) for Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is ongoing in November and December 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate the said activities of Malaysia Census 2020 because "Your Data is Our Future". Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Chart 1: Percentage Change of Headline CPI, Core Index and CPI Without Fuel for October 2020 - October 2021





Chart 2: Percentage Change of Selected Group for October 2020 - October 2021



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
26 NOVEMBER 2021**